


KHAMIS • 17.11.2016

## TIMUR



# Pertandingan catur UMP meriah

**SUKAN & REKREASI**

 Oleh **MOHD. SHARIZA ABDULLAH**  
 utusazkr@utusan.com.my

**■ PEKAN 16 NOV.**

**S**ERAMAI 181 peserta mengambil bahagian dalam Cabaran Catur Engineers (ECC) 2016 yang julung kali diadakan di Perpustakaan Universiti Malaysia Pahang (UMP) Pekan, di sini baru-baru ini.

Pertandingan anjuran Kelab Catur UMP dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMP, Pusat Sukan dan Kebudayaan UMP serta Persatuan Catur negeri itu dibahagikan kepada kategori terbuka, bawah 18 tahun dan bawah 12 tahun.

Pengarah program, R. Prashant berkata, pertandingan berkenaan sebagai platform menghidupkan minat catur untuk mengasah kemahiran dan mencungkil bakat baharu dalam sukan tersebut.

Katanya, penganjuran pertandingan itu juga merupakan antara acara sempena Majlis Konvokesyen Ke-11 UMP bermula 19 November ini.

"Secara tidak langsung, masyarakat berpeluang mengenali UMP Pekan sebagai kampus induk baharu. Para peserta pertandingan terdiri daripada pelbagai lapisan usia termasuk 34 peserta cilik dari Sekolah Kebangsaan (SK) Kampung Acheh di sini," katanya di sini baru-baru ini.

Majlis penyampaian hadiah



SEBAGHAGIAN daripada 181 peserta mengambil bahagian dalam pertandingan catur Engineers Chess Challenge (ECC) 2016 di Perpustakaan UMP, Pekan, Pahang baru-baru ini.

pertandingan itu disempurnakan oleh Presiden Persatuan Catur negeri, Hamidah Abd. Hamid.

Yang hadir sama Guru Besar SK Kampung Acheh, Muhammad Ismail; Penolong Pengarah Jualan Ancasa Royal Pekan Pahang, Abdul Jamil Mohamed dan Penolong Pegawai Belia dan Sukan UMP, Ahmad Azlan Abd. Mubin.

Menurut Prashant, pertan-

dingan itu turut disertai peserta handalan seperti Mohd. Kamal Abdullah, Nur Nabila Azman Hisham dan Teh Wee Zhun.

Sementara itu, majlis perasmian EkspoKorvo sempena konvokesyen berkenaan bakal berlangsung esok dengan pelbagai program menarik disediakan antaranya UMP ExpoRace, DIY Competition (18 November), DIY

Zikir (18 November), Pertandingan Mewarna Kanak-kanak, dan Street Soccer pada 19 dan 20 November.

Turut diadakan Ancasa Royale Junior Chef (19 November), Sembang Warung Halal dan Music for the Heroes (20 November) di UMP kampus Gambang, dekat sini dengan lebih 60 gerai jualan disediakan bagi kemudahan orang ramai.